

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 DISEMBER 2015 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Eksport produk bioteknologi dijangka naik kepada RM2 bilion	Berita Harian
2.	Moga 2016 lebih baik	Harian Metro
3.	Gempa bumi lemah landa Ranau pagi ini – Jabatan Meteorologi	BERNAMA
4.	Bukan banjir besar	Utusan Malaysia
5.	Rivers in three states breach warning level	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 30 DISEMBER 2015 (RABU)

EKSPORT PRODUK BIOTEKNOLOGI DIJANGKA NAIK KEPADA RM2 BILION

KUALA LUMPUR. Jumlah pendapatan eksport produk bioteknologi dijangka meningkat kepada RM2 bilion tahun depan berbanding RM1 bilion tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BiotechCorp), agensi pembangunan ekonomi berasaskan bio di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI), Datuk Dr. Mohd Nazlee Kamal, berkata industri kesihatan menyumbang 70 peratus daripada jumlah pendapatan eksport dan 30 peratus lagi disumbangkan oleh makanan serta segmen lain.

"Syarikat bioteknologi mendapat manfaat melalui faktor pertukaran asing disebabkan ringgit yang lebih rendah berbanding dollar Amerika Syarikat (AS)," katanya selepas persidangan mengenai 'Sesi Rangkaian Pelaburan Bioekonomi 2015' di Kuala Lumpur 18 Disember 2015. Kos pengeluaran tetap sama dan syarikat-syarikat mendapat lebih ringgit berikutan produk yang dijual dalam dollar AS.

"Ini kerana tukaran mata wang asing dan syarikat dapat memanfaatkan penyusutan ringgit berbanding dollar Amerika Syarikat (AS). Kos untuk menghasilkan produk adalah sama bagi syarikat, namun mereka akan mendapat keuntungan apabila produk itu dijual dalam dollar AS," ujarnya.

Datuk Nazlee berkata sasaran itu dibuat selepas mengambil kira keadaan ekonomi global yang tidak begitu memberangsangkan ketika ini dan dijangka berterusan sehingga tahun depan.

Sesi Rangkaian Pelaburan Bioekonomi 2015 itu mengumpulkan wakil syarikat bioteknologi dan institusi kewangan, bertujuan mencari mekanisme pembiayaan bagi syarikat yang mahu bermula, syarikat pertengahan dan syarikat yang sudah matang. Sesi terbabit diadakan bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan institusi kewangan, kapitalis usaha niaga, pemberi dana orang ramai, koridor, agensi kerajaan dan pengurus dana terhadap program bioekonomi di negara ini serta inisiatif BiotechCorp.



Sesi Rangkaian Pelaburan Bioekonomi 2015

Datuk Nazlee berkata, sesi rangkaian itu dijangka membantu syarikat bioteknologi mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan, bertujuan mencari mekanisme pembiayaan sekarang hanya meliputi 10 peratus daripada kos projek.

Beliau ketika bercakap mengenai pelaburan bioteknologi berkata, Malaysia meraih kira-kira RM4 bilion tahun ini. Untuk tahun depan, pelaburan itu dijangka berkurangan kepada RM2 bilion. Beliau jangka pelaburan pada tahun depan akan jatuh tetapi pihak beliau akan memberi fokus kepada pelaburan sedia ada.

Sementara itu, Datuk Nazlee berkata, pihaknya menjangkakan perolehan eksport produk bioteknologi pada tahun depan akan meningkat dua kali ganda kepada RM2 bilion berbanding RM1 bilion tahun ini. Katanya, 70 peratus daripada eksport terbabit akan disumbangkan oleh industri kesihatan manakala selebihnya daripada makanan dan segmen lain.

"Ini disebabkan oleh pelbagai faktor ekonomi global. Bagi tahun depan, kami menjangkakan 70 peratus daripada pelaburan adalah bersifat domestik dan 30 peratus merupakan pelaburan langsung asing (FDI)," katanya.

Dari 2011 sehingga September 2015, BiotechCorp telah memperoleh pelaburan menghampiri RM25 bilion, melepasi sasaran RM9 bilion yang ditetapkan oleh Polisi Malaysia Bioteknologi, katanya.

Datuk Nazlee berkata sebanyak RM5 bilion pelaburan telah pun menjadi kenyataan manakala baki RM20 bilion lagi akan direalisasikan secara beransur-ansur.

Mengenai prospek, katanya, BiotechCorp akan memberi tumpuan kepada 48 projek Program Transformasi Bioekonomi, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM18.2 bilion, yang mana 15 projek tersebut adalah projek berimpak tinggi. Sejumlah 15 projek itu dijangka menyumbang RM3 bilion kepada pendapatan kasar negara pada tahun depan.



Dari kiri : En. Adnan Baharum, Datuk Dr. Mohd Nazlee Kamal & Pn. Zurina Che Dir

Sumber : BERNAMA

MOGA 2016 LEBIH BAIK

Manfaat teknologi beri kesan kepada Malaysia, perlu dipertingkatkan dalam usaha mencapai negara maju



Oleh Afiq Hanif

afiq_hanif@metro.com.my

Teknologi mengatasi banjir teruk melanda pantai timur dan beberapa kawasan lain hujung tahun 2014 membuka inisiatif teknologi pada tahun ini.

Meskipun banjir pada masa itu lebih teruk, persoalannya masalah sama berlaku setiap tahun mengundang persoalan mengenai keberkesanan persediaan menghadapi bah apabila kita sepatutnya mengambil iktibar atas apa yang berlaku pada tahun sebelumnya.

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) melancarkan portal togetherwithu.my yang menyepadukan maklumat berasaskan data terbuka dan media sosial untuk memberi maklumat kepada orang ramai.

Portal hasil inisiatif eBantuan Banjir terbahit memberikan beberapa maklumat lengkap, namun lebih baik sekiranya turut menyediakan ruang khas membolehkan sukarelawan yang sudah memberikan bantuan di lokasi tertentu menandakan kehadiran mereka.

Ia bagi mengelak pertindihan penghantaran serta menawarkan bantuan secara menyeluruh.



MARA Digital kini dibuka.

DROW jadi trend.

Kalau kita lihat di laman sosial dan beberapa laporan, beberapa kawasan tidak menerima bantuan berikutan sukarelawan tidak mendapat maklumat lengkap dan tidak mengetahui selok-belok kampung terbahit dengan terperinci.

Selain itu, kita perlu menyediakan data sistem maklumat data geologi dan geoteknikal secara bersepadu yang menyediakan maklumat lengkap menge-

nai geologi kawasan terutama yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi bagi membantu mengawal banjir.

International Data Corporation (IDC), agensi penyelidikan pasaran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) meramalkan permintaan terhadap telefon pintar terus meningkat sehingga 27 peratus tahun



Dalam jangka masa panjang, komputer riba masih menunjukkan sedikit penurunan disebabkan oleh persaingan telefon pintar dan tablet. Desktop dijangka kekal rata kerana kitarannya kekal datang daripada segmen perusahaannya dan sektor awam.

Seorang lelaki memuat naik gambar pesawat mahu mendarat dipercayai di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada akaun Instagram miliknya sehingga mencetuskan tahap kepopularan dron di negara ini.

Pemilik akaun terbahit mengambil gambar pesawat itu menggunakan dron atau UAV diterbangkan ke kawasan lapangan terbang itu yang dikawal dengan alat kawalan jauh.

Gambar berkenaan menjadi 'viral', sekali gus menimbulkan pelbagai maklum balas daripada pengguna laman sosial.

Malah, ada dalam kalangan mereka terutama peminat dron marah dengan tindakan lelaki terbahit.

Ia mengundang reaksi negatif apabila operasi men-

ini meskipun Malaysia baru melaksanakan GST yang mengakibatkan harga peranti naik sehingga enam peratus.

IDC turut menjangkakan GST memberi kesan negatif kepada pasaran PC tempatan pada suku kedua 2015.

Perbelanjaan pengguna dan komersial dijangka perlahan dan pasaran akan mengambil beberapa bulan untuk menyesuaikan diri dengan cukai baru, tetapi perlu kembali normal pada pertengahan suku ketiga 2015.



#TogetherWithU #BersamaMu

A Flood Recovery Community Project

Post Flood Integrated Portal

This portal is a post flood integrated system that incorporates Open Data, Social Media which overlays on Internet of Things (IoT) and Big Data Analytics (BDA). It also has mobility-enabled funding & volunteer platforms for individuals and corporations to donate resources.

SAMBUNGAN...

HARIAN METRO (IT@METRO) : MUKA SURAT V5

TARIKH : 30 DISEMBER 2015 (RABU)

gunakan dron di kawasan lapangan terbang adalah suatu kesalahan mengikut Akta Penerbangan Awam 1969.

● Jenayah siber masih meluas pada tahun ini terutama mengeksploitasi bencana berdasarkan sumber bacaan pengguna di Internet.

Apabila berlaku bencana, sudah pasti kita terluar teruja untuk membuka mana-mana berita berkaitan sehingga mengakibatkan sistem keselamatan terjejas.

Ancaman jenis APT atau Advanced Persistent Threats yang menunjukkan keupayaan mereka dalam menggunakan teknologi canggih dan pelbagai kaedah serta vektor untuk mencapai sasaran tertentu. Ia lebih kepada mendapatkan maklumat sensitif atau rahsia. Contoh paling mudah pastinya Gauss.

Pada 2013, sasaran APT tertumpu kepada sistem perkomputeran cloud pengguna yang popular seperti laman sosial selebriti dan tokoh politik.

Kebanyakan penganalisis belum yakin kaedah yang bakal dilakukan. Bagaimanapun, selepas penyerang mendapat maklumat yang diperlukan, mereka akan menghapuskan 'malware' secara senyap daripada peranti sasaran sebelum mangsa menyedari laman mereka sudah diserang.

Lebih-lebih lagi, individu yang mendapati mereka menjadi mangsa APT berkemungkinan tidak akan melaporkan serangan kepada media.

Ancaman APT termasuk jenis Naiklon yang mengeksploitasi kes seperti Germanwings atau MH370 dan ia sangat aktif di Asia.

Serangan Naiklon aktif di Japan negara itu Malaysia, Filipina, Kemboja, Indonesia, Vietnam, Myanmar, Singapura dan Nepal.

CyberSecurity Malaysia menerima 6,800 laporan insiden keselamatan siber sehingga Julai lalu dengan penipuan, pencerobohan, gangguan siber mendahului senarai.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, 2,000 insiden penipuan dilaporkan, diikuti pencerobohan (814 insiden) dan gangguan siber (270 insiden).

"Insiden keselamatan siber lain ialah laporan berkaitan kandungan, penghalang perkhidmatan, cubaan pencerobohan, kod berniat jahat, spam dan keterdedahan," katanya.

Amirudin berkata,



ISU Plaza Low Yat panaskan keadaan.

pendedahan kepada risiko ancaman siber kini tinggi berikutan hampir semua sektor awam dan swasta bergantung kepada teknologi komunikasi dan maklumat dalam perkhidmatan serta operasi perniagaan mereka.

● Seorang penganggur yang dikaitkan dengan kekecohan di Plaza Low Yat, Bukit Bintang, Julai lalu mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret atas pertuduhan mencuri telefon bimbit jenama Lenovo di pusat beli-belah itu.

Tertuduh, Shahrul Anuar Abdul Aziz, 22, membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Nur A'minahul Mardiah Md Nor.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa mencuri telefon jenama Lenovo S860 berwarna hitam bernilai RM800 milik Techasia Boutique Jam 4:47 petang pada 11 Julai lalu di Lot UG K021 UG Floor, Plaza Low Yat.

Kekecohan bermula Sabtu (malam) hingga awal pagi keesokannya apabila sekumpulan perusuh bertindak agresif membuat kecoh di pusat beli-belah itu kerana percaya khabar angin yang tersebar melalui laman sosial mendakwa insiden berpunca tertuduh ditipu peniaga ketika membeli telefon.

Hasil kejadian itu juga menjadi titik tolak kepada pembukaan pusat jualan gajet dan peralatan teknologi maklumat (IT) milik Bumiputera, MARA Digital di Menara MARA, Jalan Raja Laut di Kuala Lumpur.

Ia bukan bertujuan 'berlawan' dengan perniagaan di pusat IT lain yang sudah dikenali seperti Plaza Low Yat dan Digital Mall.

Menteri Kemajuan Luar

Bandar dan Wilayah Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kewujudan premis di tingkat tiga yang menempatkan 38 usahawan Bumiputera itu bertujuan menawarkan pelbagai pilihan kepada pengguna.

Kementerian merancang mewujudkan sekurang-kurangnya sebuah MARA Digital di setiap ibu negeri seluruh negara.

● Sama ada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dikenakan terhadap kad prabayar ketika ini kekal atau dimansuhkan terus menjadi persoalan sepanjang tahun 2015.

Ini berikutan belum ada pengumuman rasmi oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) mengenai, sedangkan pada Mei lalu, kerajaan mengu-

mumkan pembelian kad prabayar tidak akan dikenakan GST selepas enam bulan.

Sehubungan itu, pelbagai pihak termasuk Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) meminta kerajaan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) membuat pengumuman rasmi mengenai supaya tidak timbul kekeliruan kepada pengguna.

● eSukan di Malaysia terbukti berdaya tahan dengan versi baru DOTA 2, arena esukan terus berkembang sehingga hari ini.

Pasukan Orange meneruskan tradisi Kingsurf di peringkat dunia dengan mendapatkan tempat ke-3 dalam pertandingan The International 3 yang membawa balik RMI juta hadiah wang tunai.

2015 juga tahun yang kita

menyaksikan lonjakan populariti global dalam pemain tempatan seperti Musi.

Musi memenangi banyak kejohanan DOTA 2 dan pada masa sama membawa nama Malaysia di seluruh dunia.

Disebabkan tahap populariti esukan semakin berkembang pesat, Persatuan Sukan Elektronik Malaysia (ESM) mula didaftarkan dan diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan Malaysia pada 4 Disember 2014.

ESM diasaskan oleh Datuk Lari Shariman Abdullah dan mendapat pengiktirafan sebagai negara anggota esukan Antarabangsa oleh Persekutuan esukan.

Setiausaha Agungnya yang juga bekas pemenang dunia, Rinie Ramli berkata, berdasarkan kajian yang dilakukan Suruhanjaya Ko-

munikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 2009 untuk pertumbuhan Internet di Malaysia, lebih 3.2 juta daripada 16 juta pengguna Internet menggunakannya bagi tujuan permainan 'online'.

"PricewaterhouseCoopers dalam laporan analisis berkaitan hiburan dan media global 2012/2016 memramalkan bahawa pasaran permainan video di Malaysia dijangka berkembang daripada RM760 juta pada tahun lalu kepada RM972 juta menjelang 2016.

"Ia menunjukkan kadar peningkatan sebanyak 67 peratus dan sudah pasti masa yang sesuai untuk melabur dalam esukan serta mengambil kesempatan untuk menerajui pembangunan esukan di Malaysia," katanya.



GST jadi teka-teki untuk prabayar




Gempa Bumi Lemah Landa Ranau Pagi Ini - Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Satu gempa bumi lemah melanda daerah Ranau di Sabah dengan kekuatan 3.2 pada skala Richter pada pukul 6.17 pagi tadi.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan berkata pusat gempa bumi terletak di 6.0 darjah Utara dan 116.6 darjah Timur, kira-kira 11 kilometer Barat dari kawasan itu.

Gegaran dirasai di sekitar daerah Ranau, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA



CHE MOHD. BAKRI CHE MAT dan anak-anaknya membersihkan rumah mereka selepas banjir mulai surut di Berek Kilang Sawit Padang Kubu, Kemaman, Terengganu, semalam. - BERNAMA

Berdasarkan taburan hujan Pantai Timur bulan ini

Bukan banjir besar

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 DIS.

JABATAN Meteorologi menjangkakan tidak berlaku banjir besar di seluruh negeri terutama di Pantai Timur seperti, tahun lepas berdasarkan taburan hujan pada bulan ini.

Timbalan Ketua Pengarahnya, Alui Bahari berkata, hal ini disebabkan oleh pengaruh beberapa faktor meteorologi lain yang berlaku termasuk fenomena El Nino yang sememangnya akan memberi kesan kepada taburan hujan.


Walau bagaimanapun, beliau berkata, masih ada kemungkinan episod hujan lebat berlaku khususnya dalam bulan Januari dan tertumpu di Pahang, Johor serta Sarawak memandangkan musim tengkujuh

masih belum berakhir.

"Lazimnya dalam bulan Februari dan Mac, jumlah taburan hujan berkurangan. Sementara itu, sekarang tidak ada aktiviti ribut taufan di Lautan Pasifik yang boleh mempengaruhi taburan hujan di negara kita.

"Selain itu, jangkakan taburan hujan untuk negeri-negeri di Pantai Timur dan Sarawak adalah lebih kering iaitu di bawah paras purata manakala Sarawak akan menerima taburan hujan pada paras purata," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Akhbar hari ini melaporkan



ALUI BAHARI

Terengganu mula dilanda banjir melibatkan tiga daerah iaitu Kemaman, Hulu Terengganu dan Marang berikutan hujan berterusan dan kadangkala lebat sejak petang semalam.

Sementara itu, Alui menasihatkan masyarakat agar sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa dan mendapatkan maklumat terkini berkaitan cuaca dari Jabatan Meteorologi

dan maklumat banjir dari Jabatan Pengairan dan Saliran.

"Mereka tidak seharusnya leka dan perlu sentiasa menjaga keselamatan diri dan keluarga ketika menghadapi banjir," katanya.

Rivers in three states breach warning level

ON HIGH ALERT:

Residents, rescuers in Pahang, Kelantan and Terengganu ready to evacuate

KUALA LUMPUR

THE water level of several rivers in Kelantan, Terengganu and Pahang has breached the warning mark, sending residents and rescuers into high alert despite a **Meteorological Department** report that the bout of heavy rain should have ended on Monday.

By 4pm yesterday, the water level at two measuring points near Sungai Kelantan had breached the normal mark, with Tangga Kral recording 23.34m (its normal level is 17m) and 15.10m (normal: 10m) at Jambatan Guillemard.

The water level at Tualang, Sungai Lebir, stood at an alert level of 30.89m although it had subsided from 32.49m (normal level is 23m).

In Terengganu, the water level of Sungai Dungun breached the danger mark at Kuala Jengai, which recorded 23.12m (normal: 14m) while at Jambatan Jerangau, the water level was at the warning level of 11.74m (normal: 5m).


At Sungai Kemaman, three measuring points reached the alert level. Jambatan Air Putih recorded 12.5m (normal: 9m), Rumah Pam Paya Paman recorded 3.55m (normal: 1.4m) and Jambatan Tebak recorded 18.09m (normal: 15m).

Mother Nature appeared to appease the state as sunny skies opened up yesterday.

The clear skies, however, did not



An aerial view of an inundated Kampung Seberang Tayor in Kemaman, Terengganu, yesterday. Pic courtesy of Fire and Rescue Department



help much as 1,018 people, from 270 families, were still at 14 relief centres as of noon.

State secretary Datuk Osman Muda, who is Terengganu flood disaster chairman, said Kemaman recorded the largest number of evacuees with 671 people from 149 families.

Those in Kemaman, he added, were placed at relief centres at Surau Kampung Ban Ho Air Putih, Dewan Sivik Air Putih, Balai JKKK Padang Kubu, Dewan Orang Ramai Seberang Tayor, Masjid Lama Kampung Padang Kubu, SK Telok Kalang, Balai Raya Bukit Kuang, Pejabat Ladang Jernih TDM Sungai Mas, Balai JKKK Masjid Kampung Dadong, Dewan Orangramai Batu 14, Masjid Kampung Batu 16 Tem-

bak and Dewan Orang Ramai Teladas.

"I advise the public to refer to the state Disaster Committee concerning the ongoing floods and not to rely on social media or other unofficial sources, which may confuse people and cause panic.

"The same advice goes to matters concerning other disasters like landslides, road closures and the number of victims evacuated."

In Pahang, the water level was at the alert level at two spots — Kuala Tahan, Sungai Tembeling (65.41m compared with the normal level of 60m) and Sri Damai, Sungai Kuantan (4.11m, normal: 1.5m).

All 51 evacuees at the SK Kempadang relief centre had gone home as floodwaters in PPRT Kempadang and Kampung Berjaya Permai receded yesterday.

They, however, had their hands full cleaning up their homes.

In Kota Baru, the number of people evacuated in Kuala Krai has increased from 36 on Monday night to 54 yesterday following heavy rain in the interior.

Kelantan Welfare Department director Hanapi Maulud said the flood victims, from 15 families, were taking shelter at two relief centres at the Kuala Krai veterinary office and Madrasah Siti Fatimah at Kampung Mesek in Manek Urai.

"The department has sent food items and other necessities to the flood victims. We will monitor the situation."

Kelantan Civil Defence Department had directed more than 4,000 personnel to be on standby, with 200 lorries and 205 boats ready to be deployed.